

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HSK 202 – Teori dan Kaedah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Pembentukan bangsa Yunani dipengaruhi oleh pengalaman perang. Sejauhmanakah keadaan itu mempengaruhi Thucydides yang mengutamakan peranan manusia dalam penulisan karyanya?
2. Persepsi pensejarahan Cina dan Asia Barat adalah jauh berbeza. Bincangkan perkembangan pemikiran sejarah itu dengan contoh-contoh dari pensejarahan Cina dan Arab klasik.
3. Sejauhmanakah kefahaman Ibn Khaldun terhadap peranan masyarakat dalam pembentukan erti sejarah mendahului Karl Marx dan teorinya mengenai konflik kelas dalam persepsi sejarah?
4. Menurut Leopold von Ranke sejarah haruslah mencerminkan struktur masyarakat dan keagamaan yang tetap manakala dari persepsi al-Sakhawi sejarah harus mempertahankan nilai-nilai keagamaan yang abadi. Bandingkan kemunculan kedua-dua aliran penafsiran ini dalam konteks perkembangan pemikiran dalam masyarakat masing-masing.
5. Kenapa teori konflik kelas dan kebendaan yang diperkenalkan oleh Karl Marx merupakan satu pendekatan yang menurut ahli Strukturalisme adalah terlalu sempit? Bagaimanakah Strukturalisme cuba mengatasi kelemahan itu?

...2/-

6. Aliran Annales cuba menghasilkan satu pendekatan yang baru terhadap kaedah sejarah. Bincangkan sumbangan ahli-ahli Annales yang terkemuka dan nilaikan kedudukan mereka dalam diskusi ilmu sains sosial pada masa kini.
7. Objektiviti dalam sejarah pada keseluruhannya tidak boleh dicapai kerana penulisan sejarah selalu dipengaruhi oleh pelbagai nilai pemikiran dan corak masyarakat yang wujud pada sesuatu zaman. Bincangkan pandangan itu dengan contoh-contoh daripada sejarah.

--oo000oo--